boleh dibuat sama ada bersesuaian dengan pelaksanaan cadangan penganjuran HOC itu," katanya.

Zuraida berkata, melalui proses pencairan dengan penjualan rumah mewah tidak terjual membolehkan pihak bank dapat menerima bayaran daripada pemaju.

"Ini sekali gus merancakkan lagi aktiviti ekonomi, pekerjaan termasuk merancakkan projek rumah mampu milik yang kerajaan ingin laksanakan," katanya.

Baru-baru ini , Zuraida mencadangkan kempen HOC bagi menarik pembeli dari China dan Hong Kong untuk menyelesaikan isu lambakan rumah mewah di negara ini yang bernilai kira-kira RM100 bilion.

Katanya, ia menjadi tanggungjawab KPKT untuk memastikan rumah berkenaan terjual dalam mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai landskap yang baik.

"Cuba bayangkan dalam tempoh 10 tahun akan datang sekiranya kita tidak habiskan jualan hartanah yang tidak terjual ini pasti landskap negara dipenuhi bangunan terbengkalai, kotor dan uzur.

"Jadi, adakah kita mahu melihat keadaan Malaysia seperti itu?" soalnya.